

**KESAN MODUL LATIHAN PENDIDIKAN SEKSUAL
BERDASARKAN PENDEKATAN KOGNITIF
TINGKAH LAKU (TKT) TERHADAP
PENGETAHUAN SEKSUAL
MAHASISWA**

NURUL IZYAN BINTI MOHD SOBRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

**KESAN MODUL LATIHAN PENDIDIKAN SEKSUAL BERDASARKAN
PENDEKATAN KOGNITIF TINGKAH LAKU (TKT) TERHADAP
PENGETAHUAN SEKSUAL MAHASISWA**

NURUL IZYAN BINTI MOHD SOBRI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KHUSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada... 1 2 ... (hari bulan).....02..... (bulan) 20...19.....

i. Perakuan pelajar :

Saya NURUL IZAN BINTI MOHD SOBRI, NOMBOR MATRIK: M20142002053, FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN MODUL LATIHAN PENDIDIKAN SEKSUAL BERDASARKAN PENDEKATAN KOGNITIF TINGKAH LAKU (TKT) TERHADAP PENGETAHUAN SEKSUAL MAHASISWA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. FAUZIAH BINTI MOHD SA'AD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN MODUL LATIHAN PENDIDIKAN SEKSUAL BERDASARKAN PENDEKATAN KOGNITIF TINGKAH LAKU (TKT) TERHADAP PENGETAHUAN SEKSUAL MAHASISWA (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10 SEPTEMBER 2025

Tarikh

PROF MADYA DR. FAUZIAH MOHD SAAD
Jabatan Bimbingan dan Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN MODUL LATIHAN PENDIDIKAN SEKSUAL BERDASARKAN
PENDEKATAN KOGNITIF TINGKAH LAKU (TKT) TERHADAP
PENGETAHUAN SEKSUAL MAHASISWA.

No. Matrik /Matric's No.: M20142002053

Saya / I : NURUL IZYAN BINTI MOHD SOBRI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF MADYA DR. FAUZIAH MOHD SAAD
Jabatan Bimbingan dan Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10 SEPTEMBER 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan pada masa yang ditetapkan. Saya berasa amat bersyukur kerana saya dapat menamatkan penulisan disertasi ini dengan jayanya walaupun terdapat beberapa halangan dan cabaran yang perlu saya tempuhi sepanjang penulisan ini dijalankan. Pertama, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya, Dr. Fauziah bt Mohd Sa'ad kerana banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam memastikan kelancaran untuk menyiapkan penulisan kajian saya. Selain itu, ucapan terima kasih diucapkan kepada kumpulan pensyarah penyelidik dan pihak LPPKN kerana memberi kerjasama dan keizinan untuk menggunakan modul pendidikan seksual dalam kajian ini. Seterusnya, ucapan terima kasih ditujukan buat mahasiswa yang dipilih dan yang banyak memberikan komitmen dan kerjasama sepanjang proses latihan dan pengumpulan data berlangsung. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada kedua ibu bapa saya Mohd Sobri bin Yusof dan Hasmah bt Ab. Rahman yang tidak putus-putus memberi sokongan moral, kata-kata semangat, doa dan bantuan terutamanya dari segi kewangan. Buat suami Mohd Adam b. Abd Rahim, terima kasih kerana memberi dorongan dan motivasi untuk menyiapkan disertasi ini. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Psikologi dan Kaunseling serta rakan-rakan seperjuangan kerana banyak membantu saya sepanjang tempoh pengajian di UPSI.

ABSTRAK

Kajian eksperimen ini bertujuan untuk mengkaji Kesan Modul Latihan Pendidikan Seksual Berdasarkan Pendekatan Kognitif Tingkah Laku (TKT) Terhadap Pengetahuan Seksual Mahasiswa. Kajian ini melibatkan 60 orang mahasiswa di sebuah universiti awam yang dipilih secara rawak. Mahasiswa ini dilatih sebagai fasilitator dengan menggunakan Modul Pendidikan Seksual (MPS) berdasarkan pendekatan Kognitif Tingkah Laku (TKT). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiswa dan Modul Pendidikan Seksual berdasarkan pendekatan TKT. Reka bentuk yang dijalankan berbentuk kajian kuantitatif yang dijalankan secara kuasi eksperimen. Peserta kajian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan ($n=30$) dan kumpulan kawalan ($n=30$). Kumpulan rawatan diberikan latihan pendidikan seksual berdasarkan TKT dengan menggunakan modul pendidikan seksual selama lapan minggu. Data kajian dianalisis dengan kaedah analisis statistik deskriptif dan inferens menggunakan perbezaan min dan ujian T. Dapatan kajian menunjukkan latihan pendidikan seksual berdasarkan pendekatan kognitif tingkah laku (TKT) berkesan secara signifikan terhadap peningkatan aspek pengetahuan seksual mahasiswa iaitu nilai p adalah kurang daripada aras signifikan .05 [$t(29) = -55.78, p < 0.05$]. Kesimpulannya, modul ini telah berjaya melatih mahasiswa sebagai fasilitator dengan menggunakan Modul Latihan Pendidikan Seksual Berdasarkan Pendekatan Terapi Tingkah Laku (TKT) untuk meningkatkan tahap pengetahuan mereka dalam menyampaikan pendidikan seksual kepada remaja. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan modul latihan pendidikan seksual ini dapat meningkatkan keberkesanan pengetahuan mahasiswa dalam pendidikan seksual.

THE EFFECT OF SEXUAL EDUCATION MODULE TRAINING BASED ON CBT APPROACH TOWARDS SEXUAL KNOWLEDGE AMONG UNIVERSITY STUDENTS

ABSTRACT

This experiment study aimed the effect of Sexual Education Module Training Based on Cognitive Behavioral Approach (CBT) towards sexual knowledge among university students. This study involved 60 students from Universiti Pendidikan Sultan Idris and they will be trained by using Modul Pendidikan Seksual based on CBT Approach. The instrument used in this study are Modul Pendidikan Seksual based on TKT approach and Soal Selidik Penilaian Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiswa. Research Design used by researcher is quantitative and conducted in quasi experiment method. The study participants was divided into two group which is treatment group (n=30) and control group (n=30). The treatment group was given sexual education training based on CBT Approach for eight weeks. Data were analyzed by descriptive and inferential statistical analysis using comparison mean and t-test. The findings showed that sexual education training based on behavioral cognitive approach effective significantly in the aspect of sexual knowledge improvement towards university students which is the value of p is less than significant level of .05 [$t(29) = -55.78, p < 0.05$]. In conclusion, this module has successfully trained students as facilitators by using Sexual Education Module Training Based on Cognitive Behavioral Approach (CBT) to improve their level of knowledge in delivered sexual education towards adolescents. The study implicates that the use of sexual education module training enhance the effectiveness of student's knowledge in sexual education.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Tujuan Kajian	18
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Persoalan Kajian	20
1.7 Hipotesis Kajian	21
1.8 Kepentingan Kajian	23
1.8.1 Kepentingan kepada Individu	24

1.8.2	Kepentingan kepada Amalan Kaunseling	27
1.8.3	Kepentingan kepada Masyarakat	28
1.9	Definisi Konsep dan Operasional	28
1.9.1	Modul	28
1.9.2	Latihan	30
1.9.3	Pendidikan Seksual	31
1.9.4	Teori Kognitif Tingkah Laku (TKT)	33
1.9.5	Pengetahuan	34
1.9.6	Mahasiswa	35
1.10	Limitasi Kajian	36
1.11	Rumusan	37

05-4506832 **BAB 2 PENDEKATAN TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR** ptbupsi

2.1	Pendahuluan	38
2.2	Pendekatan Teori	39
2.2.1	Teori Pendidikan Seks	39
2.2.1.1	Model Pendidikan Seksual Cakna Diri	39
2.2.1.2	Model Kesihatan Seksual (<i>Sexual Health Model</i>)	43
2.2.2	Teori Tingkah Laku (TKT)	47
2.2.2.1	Ciri-ciri Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)	49
2.2.2.2	Teknik-teknik Pendekatan Kognitif Tingkah Laku	52
2.2.2.3	Pendekatan Kognitif Tingkah Laku (TKT) dalam Kelompok	54

2.3	Konseptual Pendekatan TKT dalam Modul Latihan Pendidikan Seksual	56
2.4	Teori Pembelajaran Sosial	61
2.5	Teori Tingkah Laku	62
2.6	Tinjauan Literatur	63
2.6.1	Kajian Mengenai Pendekatan TKT di Dalam dan Luar Negara	63
2.6.2	Kajian Mengenai Tahap Pengetahuan Seksual di Dalam dan di Luar Negara	69
2.6.3	Kajian Mengenai Latihan Pendidikan Seksual di Dalam dan di Luar Negara	76
2.6.4	Kajian Mengenai Kesan Latihan Pendidikan Seksual di Dalam dan di Luar Negara	81

2.7	Rumusan	86
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	88
3.2	Reka Bentuk Kajian	89
3.3	Lokasi Kajian	91
3.4	Populasi Kajian	92
3.5	Sampel Kajian	92
3.6	Alat Kajian	93
3.6.1	Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual	93
3.6.1.2	Kesahan Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiwa	94
3.6.1.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiwa	95
3.6.2	Modul Pendidikan Seksual	96

3.6.2.1	Kesahan Modul Pendidikan Seksual	99
3.6.2.2	Kebolehpercayaan Modul Pendidikan Seksual	101
3.7	Gabungan Pendekatan Teori Tingkah Laku dalam Modul Pendidikan Seksual	102
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	105
3.9	Analisis Data	106
3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	108
3.9.2	Analisis Statistik Inferensi	109
3.10	Rumusan	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	110
4.2	Hasil Pengujian Deskriptif	110
4.2.1	Min Pra Ujian Tahap Pengetahuan Pendidikan Seksual	112
4.2.2	Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Mahasiswa ke Atas Kelompok Rawatan	113
4.2.3	Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Mahasiswa ke Atas Kelompok Kawalan	113
4.2.4	Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Mahasiswa ke Atas Kelompok Rawatan dan Kawalan	
4.2.5	Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 1: Seksualiti- Nilai, Hak dan Tanggungjawab ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	115
4.2.6	Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 2: Tanggungjawab Seksual ke Atas	115

Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan

- 4.2.7 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 3: Tingkah Laku yang Membawa kepada Risiko Kehamilan ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 116
- 4.2.8 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 4: HIV/AIDS dan Penyakit Jangkitan Seksual ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 117
- 4.2.9 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 5: Pengguguran, Pembuangan Bayi dan Rogol ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 118
- 4.2.10 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 6: Sudahkah Saya Bersedia? ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 119
- 4.2.11 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 7: Abstinens ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 120
- 4.2.12 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 8: Menghindari Situasi Berisiko Tinggi ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 121
- 4.2.13 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 9: Kemahiran Teknik Penangguhan ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 122
- 4.2.14 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 10: Kemahiran Teknik Penolakan ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan 123
- 4.3 Hasil Kajian Pengujian Hipotesis 124
- 4.3.1 Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pra ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok kawalan dan kelompok rawatan 124

- 4.3.2 Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan 125
- 4.3.3 Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual ke atas kelompok kawalan 126
- 4.3.4 Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pasca ujian tahap pengetahuan seksual ke atas kelompok kawalan dan kelompok rawatan 127
- 4.3.5 Hipotesis 5: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 1: seksualiti- Nilai, hak dan tanggungjawab ke atas kelompok rawatan 128
- 4.3.6 Hipotesis 6: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 2: Tanggungjawab seksual ke atas ke atas kelompok rawatan 129
- 4.3.7 Hipotesis 7: Terdapat Perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 3: Tingkah Laku yang membawa kepada risiko kehamilan 130
- 4.3.8 Hipotesis 8: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 4: HIV/ AIDS dan penyakit jangkitan seksual ke atas kelompok rawatan 131
- 4.3.9 Hipotesis 9: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 5: Pengguguran, pembuangan bayi dan rogol ke atas kelompok rawatan 132
- 4.3.10 Hipotesis 10: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 6: Sudahkah saya bersedia? ke atas kelompok rawatan 133

- 4.3.11 Hipotesis 11: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 7: Abstinensi ke atas kelompok rawatan 134
- 4.3.12 Hipotesis 12: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 8: Menghindari situasi berisiko tinggi ke atas kelompok rawatan 135
- 4.3.13 Hipotesis 13: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 9: Kemahiran teknik penanguhan ke atas kelompok rawatan 136
- 4.3.14 Hipotesis 14: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 10: Kemahiran teknik penolakan ke atas kelompok rawatan 137

4.4 Rumusan 138

 05-4506832 **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

- 5.1 Pendahuluan 139
- 5.2 Rumusan Kajian 139
- 5.3 Perbincangan Kajian 141
- 5.3.1 Perbincangan Kesan Latihan Pendidikan Seksual ke Atas Pengetahuan Mahasiswa 141
- 5.3.2 Perbincangan Kesan Latihan Pendidikan Seksual berdasarkan Pendekatan Kognitif Tingkah Laku (TKT) ke Atas Pengetahuan Mahasiswa 145
- 5.3.3 Perbincangan Kesan Latihan Pendidikan Seksual berdasarkan Pendekatan Kognitif Tingkah Laku (TKT) ke atas Pengetahuan Mahasiswa berdasarkan unit dalam Modul Pendidikan Seks 148
- 5.4 Implikasi Kajian 151
- 5.4.1 Implikasi Kajian terhadap Bidang Pendidikan 151

5.4.2	Implikasi Kajian terhadap Modul Pendidikan Seksual berdasarkan Pendekatan Kognitif Tingkah Laku	152
5.4.3	Implikasi Kajian terhadap Amalan dan Latihan Kaunseling	152
5.4.4	Implikasi Kajian terhadap Latihan dan Program Pendidikan Seksual	152
5.4.5	Implikasi Kajian terhadap Individu	154
5.5	Masalah dalam Melaksanakan Kajian	156
5.6	Saranan dan Cadangan Kajian pada Masa Hadapan	157
5.7	Rumusan	159
	RUJUKAN	160
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Aplikasi, Pendekatan dan Teknik TKT dalam Modul Latihan Pendidikan Seksual	59
3.1	Reka Bentuk Kajian Pra dan Pasca ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	90
3.2	Kaedah Pemarkatan Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiswa	94
3.3	Nilai Kesahan Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiswa	95
3.4	Nilai Kebolehpercayaan Keseluruhan Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiswa	96
3.5	Pendekatan Konsep Modul Pendidikan Seks	97
3.6	Nilai Kesahan Kandungan dan Pakar Modul Pendidikan Seksual	99
3.7	Analisis Nilai Kebolehpercayaan Setiap Unit Modul Pendidikan Seksual	101
3.8	Pengisian Latihan Pendidikan Seksual Gabungan Pendekatan Teori Tingkah Laku dalam Modul Pendidikan Seksual (MPS)	103
3.9	Jadual Pengujian Hipotesis	108
4.1	Bilangan Responden mengikut Jantina	111
4.2	Min Pra Ujian Tahap Pengetahuan Pendidikan Seksual antara Kelompok Rawatan dan Kawalan	112
4.3	Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan	113

Seksual Mahasiswa bagi Kelompok Rawatan

- 4.4 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Pendidikan Seksual ke atas Kelompok Kawalan 113
- 4.5 Min Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Pendidikan Seksual ke atas Kelompok Rawatan dan Kawalan 114
- 4.6 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 1: Seksualiti-Nilai, Hak dan Tanggungjawab ke atas Kumpulan Kawalan dan Rawatan 114
- 4.7 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 2: Tanggungjawab Seksual ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan 115
- 4.8 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 3: Tingkah Laku yang membawa kepada Risiko Kehamilan ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan 116
- 4.9 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 4: HIV/AIDS dan Penyakit Jangkitan Seksual ke atas Kumpulan Kawalan dan Rawatan 117
- 4.10 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 5: Pengguguran, Pembuangan Bayi dan Rogol ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan 118
- 4.11 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 6: Sudahkah Saya Bersedia? ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan 119
- 4.12 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 7: Abstinan ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan 120
- 4.13 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 8: Menghindari Situasi Berisiko Tinggi ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan 121
- 4.14 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan Seksual Unit 9: Kemahiran Teknik Penangguhan ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan 122
- 4.15 Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Tahap Pengetahuan 123

Seksual Unit 10: Kemahiran Teknik Penolakan ke atas Kelompok Kawalan dan Rawatan

4.16	Ujian-t untuk melihat perbezaan pra ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok kawalan dan rawatan	124
4.17	Ujian-t untuk melihat perbezaan pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan	125
4.18	Ujian-t untuk melihat perbezaan pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual ke atas kelompok kawalan	126
4.19	Ujian-t untuk melihat perbezaan pasca ujian tahap pengetahuan seksual ke atas kelompok kawalan dan rawatan	127
4.20	Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan seksual Unit 1: Seksualiti-Nilai, hak dan Tanggungjawab ke atas kelompok rawatan	128
4.21	Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 2: Tanggungjawab seksual ke atas kelompok rawatan	129
4.22	Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 3: Tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan ke atas kelompok rawatan	130
4.23	Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 4: HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual ke atas kelompok rawatan	131
4.24	Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 5: Pengguguran, pembuangan bayi dan rogol ke atas kelompok rawatan	132
4.25	Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 6: Sudahkah saya bersedia? ke atas kelompok rawatan	133
4.26	Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan	134

- 4.27 pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 7:
 Abstinen ke atas kelompok rawatan 135
 Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan
 pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 8:
 Menghindari situasi berisiko tinggi ke atas kelompok
 rawatan
- 4.28 Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan 136
 pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 9:
 Kemahiran teknik penangguhan ke atas kelompok rawatan
- 4.29 Ujian-t untuk melihat perbezaan ukuran min pra ujian dan 137
 pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual Unit 10:
 Kemahiran teknik penolakan ke atas kelompok rawatan

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Model Pendidikan Seksual Cakna Diri LPPKN	41
2.2	The Sexual Health Model: Application of a Sexological Approach	44
2.3	Hubung kait antara pemikiran, perasaan dan tingkah laku dalam TKT	55
2.4	Kerangka Konseptual Latihan Pendidikan Seksual berdasarkan pendekatan TKT	58
3.1	Carta Aliran Pengumpulan Data	107
4.1	Graf Perbandingan Responden Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	111

SENARAI SINGKATAN

AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
CBT	<i>Cognitive Behavior Therapy</i>
CD	<i>Compact Disc</i>
DVD	<i>Digital Video Disc</i>
FRHAM	Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reproduksi Malaysia
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
IKRAM	Ikatan Kasih Rumpun Anak-anak Melayu
IMB model	<i>Information-Motivation-Behavioral Skill Model</i>
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MPS	Modul Pendidikan Seks
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
PANS	Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science</i>
STD	<i>Sexually Transmitted Diseases</i>
STI	<i>Sexual Transmission Infection</i>
TOT	<i>Training of Trainer</i>
TKT	Teori Kognitif Tingkah Laku

UA	Universiti Awam
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UUM	Universiti Utara Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>
\bar{x}	Simbol bagi Nilai Min
%	Simbol bagi Peratus
A	Simbol bagi Nilai <i>Alpha Cronbach</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Kesahan Kandungan Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiswa
- B Borang Kesahan Kandungan: Modul Pendidikan Cakna Diri ke atas Remaja
- C Borang Kesahan Kandungan Modul Pendidikan Cakna Diri ke Atas Remaja
- D Soal Selidik Tahap Pengetahuan Seksual Mahasiswa
- E Modul Pendidikan Seksual (Pendidikan Sekolah Menengah)
- F Lampiran SPSS

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Saban hari dan waktu, masalah sosial yang melibatkan tingkah laku seksual semakin hari semakin meruncing dan kes ini menjadi barah dalam negara kita, Malaysia. Isu-isu yang melibatkan tingkah laku seksual seperti kes penzinaan, hamil luar nikah, pelacuran, rogol dan kecelaruan seksualiti adalah isu-isu yang sering berlaku dalam negara kita. Isu-isu ini semakin bertambah dari semasa ke semasa menyebabkan pelbagai pihak berusaha untuk mengurangkan isu-isu seksual ini. Oleh sebab itu, Islam turut melarang keras perbuatan tingkah laku seks ini kerana hal ini akan memberi kesan kepada keharmonian negara. Sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah Al-Isra', ayat 32 yang bermaksud, "*Dan janganlah kamu menghampiri zina. Sesungguhnya zina itu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kepada kerosakan.*

Masalah sosial yang melibatkan isu-isu seks ini biasanya terjadi disebabkan oleh pengetahuan remaja yang cetek terhadap perkembangan seksualiti diri sendiri mahupun persekitaran. Sifat ingin tahu dan keseronokan tanpa memikirkan akibat menyebabkan ramai remaja yang terjebak dalam tingkah laku seksual ini. Kurangnya kefahaman dan cetek pengetahuan dikatakan salah satu punca remaja terlibat dan pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian mengenai pendidikan seksual.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji Kesan Latihan Pendidikan Seksual Modul Cakna Diri berdasarkan Teori Kognitif Tingkah Laku dalam Kalangan Mahasiswa. Menerusi bab ini, pengkaji akan membincangkan pengenalan kajian yang akan dijalankan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, signifikan kajian, definisi konsep dan operasional kajian, limitasi kajian dan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan seksual merupakan salah satu bentuk pengajaran tentang pengenalan fungsi-fungsi seks dan organ-organ seksual untuk menjamin kesihatan dan fungsi-fungsi seks yang normal. Merujuk kepada Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) (2000), pendidikan seksual adalah perkara-perkara yang meliputi kehormatan dan integriti diri, keselamatan seksual, perbezaan gender, orientasi seksual dan sistem reproduktif. Pendidikan Seksual bukanlah satu isu yang baru dalam dunia pendidikan hari ini kerana pendidikan seks telah

mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan pada tahun 1989 sebagai tajuk-tajuk yang tertentu dalam beberapa mata pelajaran dan dilaksanakan secara berperingkat. Mulai tahun 2000, pendidikan seks mula diajarkan di Pulau Pinang di bawah projek perintis yang melibatkan para pelajar tingkatan tiga di 15 buah sekolah dan tenaga pengajar yang mengajar Pendidikan Seks ini diberikan panduan tentang pendekatan mengajar mata pelajaran pendidikan seks pada tahun 2004.

Seterusnya, pendidikan seks diteruskan dan diperkembangkan secara berperingkat mulai tahun 2011. Unsur-unsur pendidikan seksual yang telah diperkenalkan dalam kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah dan diterapkan dalam beberapa subjek seperti pendidikan kesihatan, pendidikan sains dan pendidikan Islam. Malahan di Negara-negara barat pendidikan seks sering diketengahkan kepada remaja-remaja untuk mengurangkan gejala tingkah laku seksual. Namun begitu, pendidikan seksual di Malaysia masih dianggap isu kontroversi dan negatif serta menjadi perdebatan antara beberapa pihak yang menyokong dan membantah pelaksanaan pengajaran pendidikan seksual di sekolah (Ang Chai Tin, 2014).

Penyampaian maklumat mengenai pendidikan seksual ini menjadi semakin sukar apabila golongan pendidik dan pelajar mempunyai tanggapan yang kurang menyenangkan untuk membincangkan sesuatu isu tersebut secara terbuka. Literasi pendidikan seks ini akan menghadapi cabaran yang besar sekiranya isu berkaitan cara penyampaian tidak dapat diselesaikan dengan segera. Kebanyakan guru di sekolah pula kadang kala berasa tidak senang dengan istilah yang digunakan dalam buku teks sewaktu

sesi pengajaran yang berkaitan dengan isu seksualiti (Mahzan Arshad, 2010). Selain itu, sehingga kini, struktur kurikulum sekolah tidak dapat memberikan gambaran jelas dan kabur di manakah pendidikan seks dapat ditempatkan kerana pendidikan seks yang diajar sekarang tidak begitu serius dengan kekurangan sokongan fakta atau statistik kesan hubungan seksual sehingga mengakibatkan remaja memandang remeh isu berkenaan. Manakala di sekolah pula, guru-guru kadangkala berasa tidak senang dengan istilah yang digunakan dalam buku teks ketika melaksanakan tajuk pengajaran yang berkaitan isu seksualiti (Abd. Rahim, 2010). Hal yang demikian ini berlaku bukan kerana tidak mahir atau tidak faham tajuk mengenai seksualiti, tetapi hanya kerana mereka tidak dapat menyebut istilah yang dianggap sukar untuk disebut ketika berada di khalayak ramai, terutama dalam kalangan remaja . Selain itu, bab seksualiti ini juga dianggap kotor dan sukar untuk dibincangkan secara terbuka dalam kelas yang formal.

Tambahan pula, terdapat juga salah faham tentang pendidikan seks yang mana sesetengah pihak menyangka bahawa pendidikan seks adalah bertujuan untuk mengajar melakukan hubungan seks sedangkan pendidikan seks adalah untuk memberi pendedahan kepada pihak-pihak yang berkenaan tentang kesan dan akibat seks bebas, cara-cara mengawal pergaulan, mengawal penyakit jangkitan seksual, dan sebagainya. Tidak dinafikan elemen-elemen yang perlu diketengahkan dalam pendidikan seks seperti organ reproduktif, mengandung, tekanan mental, HIV dan penyakit kelamin telah diterapkan di dalam subjek Biologi, Sains, Moral Pendidikan Agama dan Pendidikan Kesihatan di sekolah walaupun tiada subjek yang khusus bernama Pendidikan Seks (Azriani et al, 2011).

Namun begitu, terdapat juga golongan yang menyokong dan bersetuju mengenai pelaksanaan Pendidikan Seksual di Malaysia. Berdasarkan pendapat daripada Presiden Kumpulan Bertindak Ibu Bapa bagi Pendidikan Malaysia, Datin Nor Azimah Ab. Rahim, cara pengajaran pendidikan seksual perlu meneliti pelaksanaan yang paling sesuai agar pendidikan seks dapat disampaikan secara berkesan kepada remaja sekaligus menjadi salah satu cara untuk mengurangkan tingkah laku seksual dalam kalangan remaja. (Akhbar The Star, 2 Februari, 2015)

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pengetahuan seksual yang betul dan tepat dapat membantu para remaja untuk memahami perkembangan seksual, melindungi diri, mempengaruhi emosi dan kesejahteraan psikologikal remaja tersebut (Che Anuar, Kamarulzaman dan Mohd Noor, 2016). Sejalan dengan itu, pendidikan seksual ini perlu diajar kepada semua peringkat umur dari peringkat kanak-kanak ke peringkat hujung remaja sebelum mereka memasuki alam dewasa (Mohamad Faizal dan Mohd Zaki, 2014). Oleh itu, program pendidikan seksual perlu diterapkan dalam diri remaja kerana kebanyakan program pendidikan seksual mampu mengurangkan risiko gejala seks seperti penyakit jangkitan seksual, seks bebas, rogol dan penzinaan. Hal ini diperkukuh dengan kajian-kajian lepas bahawa program pendidikan seksual yang telah dilaksanakan oleh Jetnipit dan Chulaporn (2013), berjaya membuktikan bahawa program ini sangat efektif dan berkesan dalam meningkatkan pengetahuan tentang pendidikan seksual dan dapat meningkatkan sikap dan tingkah laku yang positif dalam kalangan remaja serta mendidik pelajar untuk menolak tingkah laku seksual yang berisiko.

Selain itu, kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa program Pendidikan Seksual seperti Program Pendidikan HIV/ STD serta Program Abstinan mampu mengurangkan dan melambatkan tingkah laku seksual, dapat mengurangkan risiko jangkitan seksual dan penurunan kadar kehamilan (Kirby, Laris dan Rolleri (2010). Hal ini bermakna program pendidikan seks seumpama ini telah dapat membuktikan keberkesanan program dan mengurangkan aktiviti seksual dalam kalangan remaja.

Oleh yang demikian, bagi memastikan keberhasilan program pendidikan seksual dalam kalangan remaja ini berkesan, penyampaian pendidikan seksual perlu dilakukan dengan berhati-hati dan disampaikan oleh tenaga pengajar yang diberi latihan secukupnya agar tidak timbul interpretasi yang guru mengajar cara-cara melakukan hubungan seks (Amir Hasan, 2007). Oleh itu, tenaga pengajar yang terlibat dalam menyampaikan pendidikan seksual perlu mempunyai latihan, pengetahuan dan pengalaman yang secukupnya agar mereka tidak disalah erti mengenai cara dan kaedah dalam menyampaikan pendidikan seks kepada remaja. Melalui kaedah dan cara penyampaian yang berkesan, gejala tingkah laku seksual berjaya dikurangkan.

Sebagaimana kajian-kajian terdahulu yang berjaya membuktikan bahawa menerusi latihan, pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar dalam menyampaikan pendidikan seksual mampu mengurangkan risiko- risiko yang berkaitan dengan seks yang telah dilakukan oleh Haignere dan Culhane (1998), membuktikan bahawa kejayaan program pendidikan seksual bergantung kepada kemahiran dan komitmen daripada guru-guru dan pendidik. Manakala kajian yang sama telah dijalankan oleh Rieka dan Ira

Paramastri (2013) turut berjaya membuktikan bahawa guru-guru yang telah diberikan kursus latihan mempunyai tahap kefahaman dan pengetahuan yang lebih jelas terhadap pendidikan seksual dan reproduktif. Selain itu, kajian Magreth dan Nkuba (2014) bersetuju bahawa tenaga pengajar yang mendapat latihan yang secukupnya dapat meningkatkan kandungan dan kaedah pengajaran pendidikan seksual yang lebih baik. Ini bermakna, dengan memberikan perhatian kepada keberhasilan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan dilaksanakan dengan teliti, dapat mengekang aktiviti seks sekaligus mengurangkan kelahiran tanpa dirancang dalam kalangan remaja.

Hal ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mastura (2011), antara faktor yang dikenalpasti menjadi penyumbang kepada kesediaan guru-guru untuk memberi tunjuk ajar dan mengajar pendidikan seksual adalah daripada aspek sumber maklumat sedia ada, kursus, bengkel, latihan yang dihadiri oleh guru dan tahap pengetahuan guru itu sendiri. Elemen-elemen seperti pencegahan kehamilan, komplikasi kehamilan remaja, pengguguran bayi, penyakit jangkitan HIV dan penyakit jangkitan alat kelamin merupakan topik yang agak sukar untuk disampaikan sekiranya mereka tidak diberikan latihan yang selayaknya (Utusan Malaysia, 04 Mei 2010).

Oleh yang demikian, perhatian yang penuh perlu diberikan kepada tenaga pengajar yang akan menyampaikan pendidikan seksual kepada remaja. Pengetahuan, kemahiran dan sikap tenaga pengajar sangat penting dalam menentukan ibu bapa dan remaja terhadap penerimaan program pendidikan seks kerana mengajar dalam bidang ini sangat sukar, terlalu personal dan ada kalanya topik-topik tertentu menimbulkan rasa



kurang senang dalam kalangan pelajar. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan pendidikan seksual adalah ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan asas tentang subjek seks, guru mengelak daripada membincangkan topik berkaitan reproduktif dan seks, kekurangan modul atau garis panduan tentang topik pendidikan seks dan juga masih ada segelintir masyarakat yang memandang negatif terhadap pendidikan seks (Utusan Malaysia, 27 April 2010).

Justeru itu, pendidikan seks akan dianggap berkesan sekiranya tenaga pengajar mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam menyampaikan pendidikan seks kepada para remaja. Hal ini sangat penting bagi menyalurkan maklumat yang tepat mengenai pendidikan seks dan reproduktif kepada remaja. Terdapat beberapa modul yang telah digubal di Malaysia untuk dijadikan sumber rujukan kepada tenaga pengajar dalam memberikan pendedahan pendidikan seks kepada remaja. Sebagaimana yang kita sedia maklum, modul-modul dalam program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial sangat penting dalam mendedahkan kanak-kanak dan remaja untuk memberi kesedaran dan membantu mereka membentuk pandangan yang positif tentang kesihatan reproduktif dan sosial, menyediakan maklumat yang perlu diketahui supaya mereka mengambil berat tentang kesihatan seksual, serta membantu remaja memperoleh kemahiran membuat keputusan yang bertanggungjawab pada masa kini dan masa hadapan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

Menyedari kepentingan dalam menyampaikan pendidikan seksual kepada remaja, beberapa modul pendidikan seksual telah digubal dan telah dipraktikkan di Malaysia



antaranya adalah Modul Pendidikan Seksual Cakna Diri Edisi Remaja yang mana Modul ini telah diperkenalkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) pada tahun 2008 yang bertujuan untuk melatih dan membimbing remaja di sekolah-sekolah menengah, kolej-kolej dan institusi pengajian tinggi sebagai fasilitator atau sebagai *Youth Advocate* untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran kepada remaja-remaja yang lain dalam membuat pilihan atau tindakan bijak dalam menangani masalah seksualiti seperti jangkitan seksual, gangguan seksual, penderaan seksual dan rogol. Selain itu modul pendidikan seks yang sedia ada seperti Modul PEKERTI, Modul Pendidikan Seksual 'Anda Bijak Jauhi Zina turut dilaksanakan di Malaysia.

Elemen pendidikan seksualiti ini telahpun diterapkan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Pelbagai program yang berunsurkan pendidikan seksual ini telah dijalankan pada peringkat rendah dan menengah. Antara program yang dilaksanakan melalui sokongan serta kerjasama erat di antara badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) seperti PROSTAR oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, *Say NO, Run and Tell* oleh *Protect and Save The Children Association*, RHAM and Erham Training oleh Persekutuan Persatuan-persatuan Perancangan Keluarga Malaysia (FFPAM). Dan *No Appologies- The Truth about Life, Love and Sex* oleh *Focus On The Family Association* (Abd Rahim, 2010). Menyedari hakikat itu, Program Pendidikan Seksual yang sedia ada ini merupakan strategi yang diperkenalkan oleh kementerian dan badan bukan kerajaan bagi melatih dan membimbing remaja untuk lebih memahami dan menyampaikan kepada remaja-remaja yang lain mengenai pendidikan seks.

Kesimpulannya, pendidikan seksual sangat penting dan perlu dilaksanakan sebagai mata pelajaran tambahan untuk menambahkan pengetahuan dan mengurangkan risiko remaja yang terjebak dalam tingkah laku seksual.

1.3 Pernyataan Masalah

Tingkah laku seksual dalam kalangan remaja telah lama menular dalam masyarakat Malaysia terutamanya dalam kalangan remaja. Golongan ini dikatakan cenderung untuk terlibat dalam isu-isu seks kerana pada peringkat umur ini, mereka mudah terpengaruh dengan pelbagai isu yang negatif kerana pada peringkat umur ini, mereka mengalami kehendak seks yang paling aktif dan keinginan nafsu yang memuncak (Che Anuar, Kamarulzaman dan Mohd Nor, 2016). Sifat ingin tahu remaja tidak terbatas dan mereka akan mencari jawapan kepada persoalan yang berlegar-legar dalam fikiran mereka. Nasrudin et al (2013) menyatakan ramai golongan remaja terdedah kepada maklumat seks melalui filem, majalah dan juga internet.

Kajian terbaharu yang dilakukan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati 35.3 peratus remaja mengaku pernah menonton pornografi, yang mana 60 peratus bahan lucah itu diperolehi menerusi internet. Perkara ini akan menjadi lebih teruk seandainya mereka mendapat maklumat yang salah dan tidak bersesuaian pada peringkat umur mereka. Lebih-lebih lagi pada masa kini, mereka lebih terdedah kepada hiburan yang banyak tertumpu kepada anggota badan perempuan,

hubungan keintiman dan seks. Keinginan seksual menjadi suatu minat baru yang merangsang naluri remaja. Namun, kebanyakan remaja tidak sedar bahawa pengalaman seksual yang dianggap sebagai suatu yang menyenangkan berupaya untuk memberikan mereka satu masalah yang besar sekiranya mereka tidak mempunyai pengetahuan seksual yang secukupnya (Che Anuar et al.,2016). Kesannya, ramai remaja yang terlibat dengan penzinaan sebagaimana ditunjukkan melalui kajian yang dijalankan oleh Afzan (2014) yang mendapati bahawa terdapat 60 peratus kes penzinaan yang terlibat berpunca daripada menonton bahan-bahan lucah. Oleh sebab itu, Islam turut melarang melarang keras pergaulan bebas yang mana perkara ini akan memberi ancaman kepada keharmonian.

Pelbagai isu-isu seksual yang timbul di negara kita seperti seks bebas, seks luar nikah, pelacuran, penzinaan dan hal ini menyebabkan keperluan untuk menerapkan pendidikan seksual di sekolah-sekolah dirasakan sangat mendesak (Mohamad Faizal dan Mohd Zaki, 2014). Masalah yang melibatkan seks ini dikatakan semakin meningkat dan dapat dilihat melalui masalah kehamilan remaja yang semakin meruncing jika dilihat melalui statistik yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2012) yang menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 18,847 kes kehamilan remaja iaitu 4,183 atau 22 peratus adalah tidak berkahwin. Manakala statistik bagi bulan Januari hingga Jun 2013, jumlah kes adalah 20,92 atau 25 peratus daripada mereka yang tidak berkahwin. Statistik daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (2015) turut mendedahkan sebanyak 3980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja yang berusia antara 10 hingga 19 tahun mengandung anak luar nikah.

Selain daripada itu, kajian terbaru yang telah dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendedahkan kira-kira 4.8 peratus remaja Malaysia berusia 13 hingga 24 tahun pernah melakukan hubungan seks (13 Mei, Utusan Malaysia, 2016). Manakala, kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) (2010), mendapati setiap tiga daripada enam remaja berumur antara 15 hingga 28 tahun di negara ini yang kebanyakannya lulusan universiti didapati melakukan hubungan seks luar nikah. Sebanyak 35 peratus responden menyatakan keterlibatan mereka dalam salah laku seksual sebelum berkahwin didorong oleh keinginan memuaskan nafsu, manakala sebanyak 22 peratus melakukannya kerana pujukan pasangan atau pengaruh rakan. Kajian yang sama telah dijalankan mendapati bahawa pada tahun 2011 sebanyak 5.8 peratus remaja mengaku pernah melakukan hubungan seks dan daripada data tersebut 18.6 peratus mengaku mempunyai pasangan seks lebih daripada seorang pasangan.

Kajian Mohammad Shatar (2016) pula menunjukkan bahawa 85 peratus responden remaja yang melakukan hubungan di dorong atas faktor keseronokan. Tingkah laku seksual ini semakin meruncing dan membimbangkan apabila statistik kehamilan remaja yang berusia 10 hingga 19 tahun pada tahun 2014 mencatatkan jumlah sebanyak 16,528 orang. Sementara itu, kajian yang telah dijalankan oleh Polis Di Raja Malaysia (PDRM), yang menunjukkan statistik kes rogol yang semakin meningkat. Terdapat 93.5 peratus mangsa daripada 12,473 kes sejak 2011 hingga Jun 2015 adalah remaja berumur 13 hingga 18 tahun. Begitu juga dengan laporan statistik berkaitan kes pembuangan bayi

di negara ini yang telah dikeluarkan oleh PDRM telah melaporkan 432 kes sejak 2011 hingga Jun 2015 disebabkan kehamilan luar nikah (Utusan Malaysia, 2016).

Statistik-statistik yang dikemukakan menunjukkan betapa perlunya pengajaran tentang pendidikan seks kepada remaja bagi menambahkan pengetahuan mereka tentang maklumat-maklumat seksual agar mereka tidak mudah terjerumus ke dalam tingkah laku seksual yang negatif. Tahap pengetahuan seksualiti yang rendah akan menyebabkan pelajar bertindak mengikut keseronokan diri tanpa menggunakan akal fikiran yang baik. Kenyataan ini disokong oleh pendapat Shahriza (2014), yang menyatakan bahawa melalui maklumat seksual yang terbatas dan perkembangan emosi dan kognitif yang belum kukuh maka golongan ini mudah terjerumus kepada tingkah laku seksual yang sudah terangnya menyalahi nilai agama dan budaya Malaysia. Remaja yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup jelas mengenai implikasi negatif dan kesan yang terpaksa ditanggung sekiranya terjebak dalam kegiatan yang tidak bermoral itu (Mohammad Shatar, 2016).

Dorongan remaja untuk bertindak mengikut keseronokan diri menyebabkan remaja mendapatkan maklumat tentang seks melalui cara yang salah seperti melalui internet, majalah-majalah serta daripada rakan-rakan sebaya. Secara umumnya, para remaja akan mendapatkan maklumat tentang seks daripada sumber-sumber bukan peribadi seperti buku, majalah, filem dan sebagainya (Hushim Salleh, Che Ruzana dan Rosni Kadir 2006). Sebagaimana yang tersedia maklum, remaja mempunyai rasa ingin tahu, ingin merasa dan meniru akan disalahgunakan akibat penyebaran maklumat yang

banyak merosakkan remaja (Hushim Salleh et al 2006). Apabila perkara ini terjadi, remaja bukan sahaja terdedah kepada tingkah laku seksual, akan tetapi boleh menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai penyakit jangkitan kelamin dan HIV serta risiko kematian yang disebabkan penyakit jangkitan kelamin (Ravindran, 2004).

Remaja yang mendapat pengetahuan tentang seksual yang betul akan mempunyai tingkah laku seksual yang rasional dan bertanggungjawab manakala remaja yang mempunyai pengetahuan yang salah mempunyai persepsi yang tidak tepat tentang hubungan seks sehingga menimbulkan tingkah laku seksual yang berisiko. Oleh sebab itu, pengetahuan seks yang tepat dapat membantu remaja menyediakan asas untuk memahami perkembangan seksual, melindungi diri, mempengaruhi emosi dan kesejahteraan psikologikal mereka (Low, 2009). Selain itu, penyampaian pendidikan seks kepada para remaja adalah untuk membentuk sikap positif remaja dalam usaha menghindari tingkah laku seks yang menyimpang sebagai salah satu usaha awal untuk mencegah masalah seksual dalam kalangan remaja (Kumboyono, Hanafi dan Lestari, 2004).

Menyedari kepentingan menyampaikan pengetahuan tentang pendidikan seks, beberapa modul telah wujud di Malaysia bagi memberi pendedahan tentang pendidikan seksual kepada remaja di Malaysia. Antara modul yang telah dibangunkan di Malaysia adalah Modul Pendidikan Seksual Cakna Diri Edisi Remaja yang dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2008 yang bertujuan untuk melatih pembimbing rakan sebaya di sekolah-sekolah menengah, kolej-kolej dan universiti awam untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pada remaja

dalam membuat pilihan dan tindakan bijak dalam menangani masalah seksualiti seperti gangguan seksual, rogol, penzinaan, kehamilan luar nikah dan masalah jangkitan seksual.

Oleh sebab itu, pendidikan seks sangat memerlukan tenaga pengajar atau pembimbing untuk memberi pendedahan dan kemahiran serta pengetahuan tentang isu-isu seksualiti. Hal ini selaras dengan pendapat Ang Chai Tin (2014), yang menyatakan bahawa kualiti pendidikan seks adalah bergantung kepada pengajaran guru dalam memberikan pendedahan pendidikan seks yang terbaik. Guru-guru yang diberikan intervensi mengenai pendidikan seksual dilihat lebih positif terhadap penerimaan sikap mereka tentang pendidikan seksual, lebih berkeyakinan dalam menyampaikan pendidikan seks dan sentiasa mempraktikkan pendidikan seks (Pimrat, Arpaporn, Sunee dan Weena, 2014). Untuk memperkenalkan pendidikan seks di sekolah sangat memerlukan guru-guru yang dilatih dan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kurikulum seksual dengan lebih berkesan dan efektif.

Namun demikian, menurut kenyataan daripada pihak LPPKN, usaha daripada pihak mereka kurang berkesan dan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana mereka tidak berkemampuan untuk memasuki universiti awam dan institusi pengajian tinggi dalam memberikan pendedahan keilmuan dan kemahiran dengan menggunakan modul ini. Kurangnya latihan dan pendedahan kepada guru-guru dan tenaga pengajar menyebabkan pelaksanaan pendidikan seks ini kurang berkesan. Pernyataan ini dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Wight (2011) mendapati bahawa kurang latihan dalam pendidikan seksual dalam kalangan guru merupakan halangan

kepada aspek penyampaian serta penilaian kepada program dan perkhidmatan. Jelaslah di sini bahawa program pendidikan seks ini perlu diberikan oleh pakar yang terlatih untuk melatih mahasiswa yang terlibat sebagai fasilitator dalam memberikan pendedahan tentang pendidikan seksual.

Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengkaji kesan modul pendidikan seksual terhadap pengetahuan seksual mahasiswa dengan menggunakan modul pendidikan seksual yang sedia ada dan kemudiannya digubal dengan menerapkan aplikasi Teori kognitif Tingkah Laku (TKT). Walaupun modul pendidikan seksual yang sedia ada ini telah melalui kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan memenuhi kriteria dalam menyampaikan pendidikan seksual, namun modul ini tidak begitu menekankan unsur kaunseling yang berbentuk psikopendidikan. Selain dari itu, kekurangan serta ketiadaan modul dan latihan pendidikan seksual yang berfokuskan teori kaunseling turut menjadi pendorong kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Lantaran intervensi berbentuk psiko pendidikan kurang dilaksanakan sebagai langkah pencegahan awal, justeru, kajian ini akan mengisi kelompongan dengan memberi latihan kepada fasilitator-fasilitator dalam kalangan mahasiswa dengan menggunakan modul pendidikan seksual yang diubah suai dengan menerapkan teknik-teknik yang terdapat dalam Teori Kognitif Tingkah Laku (TKT). Kajian ini dilaksanakan bagi mengukur tahap pengetahuan fasilitator sebelum dan selepas menjalani latihan tersebut.

Melalui pendekatan ini, pengkaji menggunakan aplikasi TKT yang mana matlamatnya adalah untuk memberi pendedahan kepada fasilitator mengenai aspek pengetahuan agar dapat mengajar individu yang lain untuk berfikir dengan rasional serta belajar bertingkah laku dengan cara yang bersesuaian. Hal ini kerana individu yang didedahkan dengan pengetahuan pendidikan seksual, maka kecenderungan individu terbabit untuk bertingkah laku seksual akan berkurangan.

Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) merupakan satu pendekatan kaunseling dengan cara melakukan penstrukturan kognitif dan tingkah laku menyimpang (Aeron T. Beck, 2005). See (2009) menjelaskan bahawa CBT mengandungi dua bentuk rawatan yang efektif iaitu Terapi Kognitif dan Terapi Tingkah Laku. Terapi Kognitif merupakan kaedah yang dapat mengenal pasti pemikiran yang menghasilkan perasaan negatif manakala terapi tingkah laku menekankan pemikiran, perasaan dan tindakan dalam proses terapi.

Kesimpulannya, huraian yang dinyatakan tersebut menunjukkan TKT merupakan satu pendekatan yang sistematik untuk melatih fasilitator yang terpilih bagi mencegah tingkah laku seksual dalam kalangan remaja khususnya melalui pengetahuan dan maklumat pendidikan seksual bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian Quasi eksperimen ini bertujuan untuk mengkaji kesan latihan pendidikan seksual modul cakna diri berdasarkan aplikasi teori kognitif tingkah laku (TKT) ke atas tahap pengetahuan mahasiswa dalam menyampaikan pendidikan seksual di sekolah.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas, maka objektif kajian ini untuk mengukur kesan latihan pendidikan seksual menggunakan aplikasi Teori Kognitif Tingkah laku (TKT) ke atas tahap pengetahuan mahasiswa berdasarkan perbezaan ukuran:

1. Min pra ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual antara kelompok rawatan dan kawalan
2. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan
3. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok kawalan
4. Min pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan dan kawalan.
5. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 1: Seksualiti- Nilai dan Tanggungjawab ke atas kelompok rawatan dan kawalan.

6. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 2: Tanggungjawab Seksual ke atas kelompok rawatan dan kawalan
7. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 3: Tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan ke atas kelompok rawatan dan kawalan
8. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 4: HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual ke atas kelompok rawatan dan kawalan
9. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 5: Pengguguran, Pembuangan bayi dan rogol ke atas kelompok rawatan dan kawalan.
10. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 6: Sudahkah saya bersedia?
ke atas kelompok rawatan dan kawalan,
11. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 7: Abstinence ke atas kelompok rawatan dan kawalan
12. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 8: Menghindari situasi berisiko tinggi ke atas kelompok rawatan dan kawalan.
13. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 9: Kemahiran Teknik Penanguhan ke atas kelompok rawatan dan kawalan
14. Min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 10: Kemahiran Teknik Penolakan ke atas kelompok rawatan dan kawalan.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, maka persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual antara kelompok rawatan dan kawalan?
2. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan?
3. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok kawalan?
4. Adakah terdapat perbezaan min pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
5. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 1: Seksualiti- Nilai dan Tanggungjawab ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
6. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 2: Tanggungjawab Seksual ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
7. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 3: Tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan ke atas kelompok rawatan dan kawalan?

8. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 4: HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
9. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 5: Pengguguran, Pembuangan bayi dan rogol ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
10. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 6: Sudahkah saya bersedia? ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
11. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 7: Abstinan ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
12. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 8: Menghindari situasi berisiko tinggi ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
13. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 9: Kemahiran Teknik Penangguhan ke atas kelompok rawatan dan kawalan?
14. Adakah terdapat perbezaan min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 10: Kemahiran Teknik Penolakan ke atas kelompok rawatan dan kawalan?

1.7 Hipotesis Kajian

Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen untuk melihat Kesan Latihan Pendidikan Seksual Berdasarkan Pendekatan TKT terhadap pengetahuan seksual mahasiswa. Berdasarkan tujuan dan objektif kajian yang telah dinyatakan tersebut, maka hipotesis Alternatif (H_a) telah dibina bagi kajian ini:

1.7.1 Hipotesis 1: Terdapat perbezaan signifikan pra ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok kawalan

1.7.2. Hipotesis 2: Terdapat perbezaan signifikan pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan.

1.7.3 Hipotesis 3: Terdapat perbezaan yang signifikan pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok kawalan.

1.7.4 Hipotesis 4: Terdapat perbezaan yang signifikan pasca ujian tahap pengetahuan pendidikan seksual ke atas kelompok rawatan dan kawalan.

1.7.5 Hipotesis 5: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 1: Seksualiti- Nilai dan Tanggungjawab ke atas kelompok rawatan.

1.7.6 Hipotesis 6: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 2: Tanggungjawab Seksual ke atas kelompok rawatan

1.7.7 Hipotesis 7: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 3: Tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan ke atas kelompok rawatan

- 1.7.8 Hipotesis 8: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 4: HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual ke atas kelompok rawatan
- 1.7.9 Hipotesis 9: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 5: Pengguguran, Pembuangan bayi dan rogol ke atas kelompok rawatan
- 1.7.10 Hipotesis 10: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 6: Sudahkah saya bersedia? ke atas kelompok rawatan
- 1.7.11 Hipotesis 11: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 7: Abstinan ke atas kelompok rawatan
- 1.7.12 Hipotesis 12: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 8: Menghindari situasi berisiko tinggi ke atas kelompok rawatan
- 1.7.13 Hipotesis 13: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 9: Kemahiran Teknik Penanggulangan ke atas kelompok rawatan
- 1.7.14 Hipotesis 14: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pasca ujian tahap pengetahuan Unit 10: Kemahiran Teknik Penolakan ke atas kelompok rawatan

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian memberi fokus bagi melihat kesan latihan pendidikan seksual berteraskan modul cakna diri berdasarkan aplikasi Teori Kognitif Tingkah Laku (CBT) ke atas tahap pengetahuan mahasiswa. Sebagaimana yang tersedia maklum, isu-isu yang melibatkan masalah seksual dalam kalangan remaja semakin meruncing menjadikan isu ini perlu diberi perhatian yang mendalam. Oleh sebab itu, pengkaji merasakan bahawa satu kajian yang mendalam perlu dilaksanakan dan hasil kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan mereka yang terlibat dalam menyampaikan isu-isu berkaitan pendidikan seksual sekaligus dapat mengelakkan remaja menerima maklumat yang salah mengenai seks.

1.8.1 Kepentingan kepada Individu

Kepentingan kajian ini kepada individu dilihat dari segi penambahan golongan pemudah cara atau fasilitator untuk menyampaikan maklumat berkaitan pendidikan seksual dengan cara yang betul dan tepat. Fasilitator dilihat sebagai pemudah cara yang terbaik untuk menerangkan tentang isu-isu berkaitan seks kepada remaja. Remaja yang hanya memperoleh maklumat yang terhad dan tidak mendapatkan pengetahuan yang betul mengenai pendidikan seks akan mengakibatkan remaja tersebut terdedah kepada gejala tingkah laku seksual seperti kehamilan luar nikah dan penyakit jangkitan seksual.

Oleh sebab itu, golongan pemudah cara atau fasilitator perlu memperoleh dan mendapatkan pengetahuan yang secukupnya mengenai pendidikan seksual agar mereka



dapat menyampaikan isu-isu berkaitan ini dengan penyampaian yang tepat dan betul. kepentingan pemudah cara atau fasilitator yang berpengetahuan dalam menyampaikan pendidikan seksual terhadap golongan remaja. Sebagaimana kajian lepas yang telah dijalankan oleh Sarah dan Neil (2009) yang menunjukkan bahawa program pendidikan seksual dengan menggunakan kaedah pembimbing rakan sebaya di Kemboja sangat efektif dan dapat menyumbangkan pengetahuan secara berkesan dalam usaha memberikan pengajaran mengenai pendidikan seks kepada remaja di Kemboja

Seterusnya kajian ini dirasakan penting untuk melatih fasilitator dalam kalangan pelajar universiti bagi memberikan pendedahan yang sewajarnya mengenai pendidikan seks agar mereka dapat mempraktikkan pendidikan seks yang telah diikuti sekaligus menyampaikannya kepada pelajar-pelajar di sekolah. Menerusi kajian lepas telah membuktikan bahawa melalui tenaga pengajar yang berpengetahuan dalam pendidikan seks, program pendidikan seks sangat efektif dalam meningkatkan pengetahuan tentang pendidikan kesihatan dan seksual, meningkatkan sikap dan tingkah laku yang positif dalam kalangan remaja serta dapat mendidik pelajar untuk menolak tingkah laku seksual yang berisiko (Jenipit dan Chulaporn, 2013).

Selain itu, melalui kajian ini dilihat individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung akan mendapat pendedahan dan pengetahuan mengenai pendidikan seksual yang meliputi perkembangan seksualiti, penyakit jangkitan seksual, sistem reproduktif dan aspek-aspek seksual yang lain. Hal ini dapat dilihat menerusi pendapat Ang Chai Tin, (2014) yang menyatakan pendedahan pendidikan seksual kepada pelajar



dapat menggalakkan kesihatan seksual dari segi fizikal, emosi, sosial, dan kesejahteraan diri.

1.8.2 Kepentingan kepada Amalan Kaunseling

Kepentingan kajian ini kepada amalan kaunseling adalah melalui kajian ini kaunselor-kaunselor dan guru bimbingan dapat mempraktikkan dan mengaplikasikan kaedah dalam menyampaikan program pendidikan seksual berdasarkan pengaplikasian teori TKT. Hasil kajian ini turut boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan para ahli akademik untuk membuat kajian lanjutan dalam bidang ini nanti.

Sebahagian sikap guru-guru dan kaunselor yang masih malu dan kurang berpengetahuan menyebabkan pendidikan seksual ini tidak dapat diterapkan dengan sempurna kepada remaja-remaja di Malaysia. Kajian-kajian lepas juga menyatakan tentang. Selain itu, kajian yang telah dilaksanakan oleh Pimrat et.al (2014) membuktikan bahawa melalui kursus dan latihan pendidikan seksual yang diberikan kepada guru-guru yang terlibat, mereka dilihat lebih berkeyakinan dalam menyampaikan pendidikan seks dan lebih positif terhadap penerimaan sikap terhadap pendidikan seks.

Selain daripada itu, kajian ini juga dirasakan penting untuk dilaksanakan kerana pada sebelum ini, kajian-kajian lepas banyak memberi tumpuan kepada kajian mengenai masalah tingkah laku seksual dan pembinaan modul seksual secara umum seperti pembinaan modul pendidikan seksual masalah pembelajaran yang telah dihasilkan oleh

penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM). Namun, kajian mengenai kaedah penyampaian untuk dipraktikkan dilihat agak berkurangan di Malaysia, lebih-lebih lagi kajian yang menggunakan aplikasi teori kaunseling dalam modul pendidikan seks. Sememangnya, aplikasi teori kaunseling dilihat sangat efektif dalam kelompok berbentuk psiko pendidikan atau kelompok bimbingan. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Aziz Shah et. al (2015) yang menggunakan aplikasi teori kaunseling untuk melihat kesan program pencegahan dadah berasaskan modul pengubahsuaian corak pemikiran dan aplikasi tingkah laku kognitif dapat meningkatkan daya tahan dan mengurangkan kelangsangan. Ini membuktikan penerapan aplikasi teori kaunseling dalam mana-mana program pencegahan dapat memberikan hasil yang positif terhadap peserta yang mengikutinya.

Pengkaji berpendapat dengan menerapkan unsur-unsur kaunseling seperti yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lepas menunjukkan hasil yang positif, justeru pengkaji berminat untuk mengaplikasikan pendekatan tingkah laku kognitif dalam modul pendidikan seks. Kajian ini diharap dapat menampung dan mengisi kelompangan yang ada dan hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan para ahli akademik untuk membuat kajian lanjutan tentang penyelidikan seumpama ini.

1.8.3 Kepentingan kepada Masyarakat

Melalui kajian ini, diharapkan pihak sekolah, guru-guru yang mengajar pendidikan moral, pendidikan kesihatan dan seks, mengetahui dan memperoleh ilmu dan kaedah yang berkesan yang dapat digunakan dalam memberi pendedahan yang sesuai mengenai pendidikan seks kepada pelajar. Kajian ini penting kepada pihak sekolah dan juga masyarakat untuk mengetahui kaedah dan intervensi yang berkesan dalam usaha menyampaikan pendidikan seksual terhadap golongan pelajar. Kepentingan untuk mencegah salah laku seksual merupakan tanggungjawab semua pihak dalam menjamin kesejahteraan hidup.

Dengan adanya kajian ini, dapat melatih golongan remaja supaya mereka sedar bahawa keinginan seks perlu dipenuhi melalui cara yang baik dan halal sekali gus dapat mengelak berlakunya unsur-unsur penyelewengan seksual yang tidak dibenarkan. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat menyumbang satu bentuk modul yang baru yang berasaskan pendekatan teori kaunseling dalam Modul Pendidikan Seksual. Melalui pendekatan yang diterapkan dalam modul ini, dapat memberi pendedahan bentuk-bentuk rangsangan seks dan penerangan tentang implikasi penyelewengan seks tersebut kepada masyarakat di luar sana.

Keseluruhannya, pengkaji berharap hasil kajian ini dapat dipraktikkan dan dimanfaatkan kepada pihak-pihak yang berminat dalam memberikan maklumat yang tepat dan padat mengenai pendidikan seksual kepada remaja-remaja dalam usaha untuk



menangani tingkah laku seksual yang semakin hari semakin meningkat. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada kajian-kajian yang akan datang berkenaan dengan aspek-aspek pendidikan seksual, kesan serta isu-isu yang melibatkan seks yang tidak dapat dibendung sehingga kini.

1.9 Definisi Konsep dan Operasional

1.9.1 Modul

Modul yang difokuskan dalam kajian ini adalah mengenai modul pembelajaran. Modul merupakan satu bahan ajar yang disusun secara sistematik dan menarik yang merangkumi isi kandungan dan metod pembelajaran yang dapat digunakan secara bersendirian untuk mencapai kompetensi yang diharapkan (Anwar, 2010). Modul juga dapat didefinisikan sebagai bahan pengajaran yang dilengkapi dengan isi kandungan mata pelajaran serta strategi-startegi, tindakan-tindakan dan gerak kerja yang boleh diselenggarakan bersama-sama dengan cara penilaian isi kandungan tersebut (Syarifah Alwiyah, 2004).

Manakala definisi modul menurut Winkel (2009), modul dapat dijelaskan sebagai satu program pembelajaran yang dipelajari oleh seseorang secara individu (self-instructional)

Definisi Operasional Modul

Dalam kajian ini, modul adalah merujuk kepada satu bentuk program pembelajaran dan pengajaran secara ilmiah mengenai pendidikan seks yang digunakan untuk memberi latihan kejurulatihan (training of trainers) yang diperuntukkan kepada mahasiswa yang



terpilih. Mahasiswa tersebut dilantik untuk menjadi fasilitator dan perlu menghadiri kursus dan diberikan latihan selama tiga hari dengan menggunakan modul tersebut. Modul yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah Modul Pendidikan Seksual (MPS) berdasarkan pendekatan Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) yang memberi fokus kepada aspek pengetahuan dalam pendidikan seksual supaya mereka dapat menyampaikan pendidikan seksual ini dengan berkesan.

Modul dalam kajian ini mengandungi sepuluh unit utama iaitu Unit 1: Seksualiti-
Nilai, Hak dan Tanggungjawab, Unit 2: Tanggungjawab Seksual, Unit 3: Tingkah Laku
yang membawa kepada Risiko Kehamilan, Unit 4: HIV/AIDS dan Penyakit Jangkitan
Seksual, Unit 5: Pengguguran, Pembuangan Bayi dan Rogol, Unit 6: Sudahkah Saya
Bersedia?, Unit 7: Abstinensi, Unit 8: Menghindari Situasi Berisiko Tinggi, Unit 9:
Kemahiran Teknik Penangguhan dan Unit 10: Kemahiran Teknik Penolakan.

1.9.2 Latihan

Williams (2000) mendefinisikan latihan sebagai membina kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang diperlukan untuk meningkatkan kerja atau prestasi kerja. Manakala menurut pandangan Noe (2000), latihan merujuk kepada usaha-usaha terancang oleh sesebuah organisasi untuk memudah cara pembelajaran ke arah kompetensi berkaitan dengan kerja yang meliputi pengetahuan, kemahiran atau tingkah laku yang dianggap kritikal untuk kejayaan pencapaian sesuatu kerja.

Manakala latihan dalam kajian ini adalah merujuk kepada Latihan kejurulatihan merupakan satu proses untuk melatih fasilitator mengenai pengetahuan latar belakang, kemahiran, dan pengalaman praktikal mengenai sesuatu perkara yang dijalankan (David dan Richard, 2002). Manakala Thorne dan Machary (2007) menjelaskan bahawa latihan kejurulatihan ini merupakan sesuatu program latihan yang ditentukan dengan melihat modifikasi pengetahuan, kemahiran, dan sikap pelatih dari segi kandungan program, jangka masa, kemudahan tempat latihan, tenaga pengajar dan kesediaan pelatih untuk menerima sesuatu program.

Definisi Operasional Latihan

Dalam kajian ini, latihan adalah merujuk kepada latihan kejurulatihan (training of trainers) yang diperuntukkan kepada mahasiswa yang terpilih. Mahasiswa tersebut dilantik untuk menjadi fasilitator dan perlu menghadiri latihan selama tiga hari dengan menggunakan Modul Pendidikan Seksual (MPS) berdasarkan pendekatan Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT). Dalam latihan kejurulatihan ini, fasilitator dilatih untuk meningkatkan pengetahuan mereka berkenaan dengan pendidikan seksual supaya mereka dapat menyampaikan pendidikan seksual ini dengan berkesan.

1.9.3 Pendidikan Seksual

Merujuk kepada Kumboyono, Hanafi dan Lestari (2004), pendidikan seks adalah keupayaan untuk menyampaikan pengetahuan tentang fungsi organ reproduktif dengan memberi penekanan kepada moral, etika serta nilai keagamaan. Manakala menurut Noor

Zainal (2000) mendefinisikan pendidikan seks merupakan perkara yang membabitkan penjelasan, bimbingan dan kaunseling mengenai pemahaman seksual serta penjagaan kesihatan organ reproduktif. Selain itu, pendidikan seks juga menyentuh mengenai aspek tidak normal dan tingkah laku yang tidak diinginkan dengan seks dan bahaya atau penyakit-penyakit yang berkaitan.

Seterusnya, Abdullah Nashih dan Hassan Hathout (2002) menyatakan bahawa pendidikan seksual adalah satu proses memberi pengajaran, kesedaran dan penerangan tentang masalah-masalah seksual kepada anak bermula daripada masa anak tersebut memahami tentang masalah berkenaan seks, naluri perkahwinan sehinggalah mereka dewasa serta dapat memahami urusan kehidupan serta memahami persoalan-persoalan yang diharamkan dan apa yang diharamkan dalam Islam.

Pendidikan seksual menurut *Sex Education Council of the United States* (2004), merupakan pendidikan seumur hidup yang melibatkan proses memperoleh maklumat, membentuk atribut, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang. Manakala Kong dan Tan (2010), menjelaskan bahawa pendidikan seks adalah menekankan kepada perkembangan seksual, reproduksi manusia, kesihatan, hubungan interpersonal, perasaan kasih sayang, hubungan rapat, bahasa badan dan peranan gender seseorang.

Definisi Operasional Pendidikan Seksual

Definisi operasional pendidikan seksual dalam kajian ini merujuk kepada strategi-strategi yang terdapat dalam modul cakna diri yang telah diubahsuai dengan aplikasi teori kognitif tingkah laku (TKT). Modul ini mengandungi dua bahagian utama iaitu Bab

1: Maklumat Kesihatan Seksual dan Reproduksi dan Bab 2: Teknik Menghindari Seks Sebelum Berkahwin. Keseluruhan bab mengandungi 10 unit dan unit yang terlibat dalam pendidikan seksual ini adalah Unit 1: Seksualiti-Nilai, Hak dan Tanggungjawab, Unit 2: Tanggungjawab Seksual, Unit 3: Tingkah Laku yang membawa kepada Risiko Kehamilan, Unit 4: HIV/AIDS dan Penyakit Jangkitan Seksual, Unit 5: Pengguguran, Pembuangan Bayi dan Rogol, Unit 6: Sudahkah Saya Bersedia?, Unit 7: Abstinensi, Unit 8: Menghindari Situasi Berisiko Tinggi, Unit 9: Kemahiran Teknik Penangguhan dan Unit 10: Kemahiran Teknik Penolakan. Mahasiswa yang terpilih sebagai fasilitator yang menghadiri kursus akan dilatih dan diberikan penjelasan mengenai pendidikan seksual berdasarkan modul pendidikan seksual ini berdasarkan unit-unit yang terdapat dalam modul tersebut.

1.9.4 Teori Kognitif Tingkah Laku (TKT)

Chiang Mey (2009), menyatakan bahawa Teori Kognitif Tingkah Laku berfokus kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku dalam proses terapi. Teori Kognitif Tingkah Laku (TKT) juga dapat di definisikan sebagai satu cara bagaimana seseorang itu berfikir dan bertindak dalam membantu mengatasi masalah emosi dan tingkah laku mereka (Rob Willson dan Rhena Branch, 2006). Beck (2008), pendekatan teori kognitif tingkah laku dapat menggantikan pemikiran yang rosak dengan pemikiran yang sihat yang boleh membantu seseorang membantu seseorang menjalani kehidupan yang sihat secara psikologi.

Menurut Beck (2005), dalam pendekatan teori kognitif tingkah laku, skema mengawal dan memproses maklumat akan memandu seseorang untuk mempunyai jangkaan tertentu terhadap pengalaman, peristiwa dan mengadunkannya dengan maklumat yang telah ada dalam skema dan apabila skema terpacat dalam diri seseorang, individu akan mempercayai apa sahaja maklumat yang membenarkan skemanya. Walau bagaimanapun, menurut Beck (2005), skema boleh diubahsuai apabila manusia mengalami perubahan hasil daripada penilaian dan pengubahsuaian pemikiran mereka yang rosak selama ini.

Definisi Operasional Pendekatan Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)

Secara operasionalnya, dalam kajian ini teori kognitif tingkah laku (TKT) merupakan teori yang digabungkan dan diaplikasikan penggunaannya dalam Modul Pendidikan Seksual Cakna Diri. Pendekatan teori tingkah laku (TKT) yang diterapkan dalam modul ini melibatkan teknik-teknik yang merangkumi teknik penstrukturan semula kognitif, teknik main peranan (role play), teknik imaginasi, teknik relaksasi, teknik kerja rumah, rekod pemikiran positif dan analisis kelebihan dan kekurangan. (Muhammad Aziz Shah, 2012).

1.9.5 Pengetahuan

Runco (2003) mendefinisikan pengetahuan sebagai maklumat-maklumat tersimpan dalam ingatan jangka panjang yang dapat diakses dalam keadaan yang memerlukan. Manakala

menurut Fiesbein dan Ajzen (1975) pengetahuan juga dikenali sebagai faktor kognitif di mana pengetahuan merupakan asas yang membina blok-blok dalam struktur pemikiran manusia. Pengetahuan juga berperanan sebagai teras kepada penentuan sikap (attitude), niat (intention) dan tingkah laku (behaviour).

Definisi Operasional Pengetahuan

Pengetahuan dalam konteks kajian yang dijalankan oleh pengkaji merupakan aspek pengetahuan tentang seksual yang diketahui oleh mahasiswa. Aspek pengetahuan mahasiswa berkaitan pendidikan seksual yang terdapat dalam modul iaitu aspek tanggungjawab seksual, tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan, HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual, pengguguran, pembuangan bayi, abstinan, menghindari situasi berisiko tinggi serta kemahiran penolakan dan penangguhan.

Aspek-aspek tersebut diajar kepada mahasiswa yang terlibat dan tahap pengetahuan mereka akan diukur dengan menggunakan borang soal selidik setelah mahasiswa mengikuti latihan pendidikan seksual yang dijalankan dengan menggunakan Modul Pendidikan Seks berdasarkan pendekatan Teori Tingkah Laku (TKT).

1.9.6 Mahasiswa

Zuhdi (2001) mendefinisikan mahasiswa sebagai satu kelompok pelajar yang berada di peringkat paling tinggi dalam sistem pendidikan formal sesebuah negara. Manakala berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (1971), mahasiswa



didefinisikan sebagai seseorang pelajar yang berdaftar dengan Universiti atau Kolej Universiti yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada mana-mana peringkat persediaan, pra ijazah, lepasan ijazah atau lepasan kedoktoran secara sepenuh masa, atau sambilan dan termasuk pembelajaran jarak jauh, dan luar kampus.

Definisi Operasional Mahasiswa

Dalam kajian ini, mahasiswa merujuk kepada pelajar-pelajar seramai 30 orang daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dipilih sebagai fasilitator daripada kursus kaunseling. Mahasiswa dalam kajian ini dilatih dengan diberikan latihan dan kursus mengenai penggunaan Modul pendidikan seksual sebagai persediaan dalam menyampaikan pendidikan seksual kepada remaja sekolah.



1.10 Limitasi kajian

Dalam kajian ini, beberapa limitasi kajian telah dikenal pasti. Antaranya dari segi kekangan masa yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini terbatas kerana mempunyai kekangan masa daripada pihak LPPKN dan daripada responden sendiri. Pengkaji sukar untuk mengumpulkan responden pada satu-satu masa untuk diberi latihan dan kursus mengenai pendidikan seksual berdasarkan modul pendidikan seksual. Manakala, pengkaji turut mendapat kekangan daripada pihak LPPKN kerana mereka mengambil masa yang agak untuk memberi maklum balas bagi melatih mahasiswa yang terlibat sebagai fasilitator pendidikan seksual.



Seterusnya, limitasi yang dihadapi oleh pengkaji adalah dari tempoh untuk melihat perubahan tahap pengetahuan fasilitator adalah singkat yang mana masa yang diperuntukkan hanyalah selama tiga hari untuk memberi pengetahuan tentang pendidikan seksual berdasarkan modul cakna diri. Sekiranya tempoh yang lebih lama diperuntukkan akan dapat menghasilkan dapatan yang lebih baik. Selain itu, kajian ini hanya memberi tumpuan bagi melihat pengetahuan mahasiswa tentang pendidikan seks. Maka dalam kajian pada masa yang akan datang, pengkaji boleh memberi tumpuan kepada pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pendidikan seks.

Selain itu, limitasi yang seterusnya yang dihadapi oleh pengkaji adalah melalui pemilihan responden yang digunakan dalam kajian ini adalah terbatas. Responden kajian dipilih secara rawak dalam kalangan pelajar UPSI yang menghadiri bengkel kejurulatihan Modul Cakna Diri. Hal ini menunjukkan sampel kajian tidak dapat digeneralisasi kerana hanya tertumpu pada pelajar UPSI yang dipilih sebagai responden kajian. Sampel yang digunakan dalam kajian ini hanyalah terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris dan tidak diperluas kepada pelajar-pelajar daripada universiti lain. Kajian yang dijalankan tidak merangkumi pemilihan fasilitator daripada pelbagai Universiti Awam dan Institut Pengajian Tinggi.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan maklumat berkaitan dengan latar belakang kajian yang ingin dilakukan. Selain itu, pengkaji juga menerangkan tentang pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian yang perlu dijawab, signifikan kajian, definisi iaitu definisi konsep dan definisi operasional yang berkaitan dalam kajian dan juga limitasi dalam menjalankan kajian ini.